

D7 12

U 0535 AAB

MAHATHIR

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10 MALAMINI - 19 NOV.

(I)

1984

KUALALUMPUR, 19 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAMINI MENGGESA SUPAYA DIWUJUDKAN HUBUNGAN MAJIKAN-PEKERJA YANG +ERAT DAN SECARA PERIBADI+ SEHINGGA MEMBOLEHKAN SATU-SATU PIHAK MEMANGGIL PIHAK YANG LAIN PIHAK DENGAN MENGGUNAKAN NAMA BIASA.

KATANYA ADALAH PERLU BAGI PARA MAJIKAN MELAHIRKAN +SUASANA KEKELUARGAAN+ YANG DAPAT MEWUJUDKAN HUBUNGAN SEPERTI ITU, TERUTAMANYA DALAM PENUBUHAN KESATUAN SEKERJA DALAM JABATAN.

+SAPAAN BIASA DAN MINAT TERHADAP KEBAJIKAN PARA PEKERJA SEHINGGA DI LUAR TEMPAT PERNIAGAAN ADALAH PENTING. PENEKANAN TERHADAP PANGKAT SERTA KEISTINAWAN HENDAKLAH DIKURANGKAN, KALAU PUN TIDAK DIHAPUSKAN SAMASEKALI,+ KERTANYA SEMRSA BERUCAP DI NAJLIS JAMUAN MALAM JUBLI PERAK PERSEKUTUAN MAJIKAN-MAJIKAN MALAYSIA DI SINI.

+SETIAP ORANG HENDAKLAH DISAPA MENGIKUT PANGILAN BIASA. PARA PENGURUS HENDAKLAH BERADA LEBIH LAMA DI TEMPAT PERNIAGAAN ATAU DI PEJAT AM,+ TAMBAH BELIAU.

KATANYA, PARA MAJIKAN JUGA HENDAKLAH SENTIASA INGAT BAHAWA PEKERJA-PEKERJA MEREKA MEMBERI SUMBANGAN KEPADA KEJAYAAN ATAU KEGAGALAN MEREKA DAN ADALAH MENGUNTUNGGAN BAGI MEREKA UNTUK MENENTUKAN YANG PEKERJA-PEKERJA MEREKA SENTIASA BERPUASATI.--LAGI
2052MST 19 11 84

D758

R B536 REPEAT AA5

MAHATHIR 2*KUALALUMPUR(EMBARGO)

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BUKANLAH SEBUAH NEGARA MAJU, IA BUKAN JUGA SEBUAH NEGARA PERINDUSTRIAN BARU ATAU PUN +JEPUN KECIL+.

DENGAN ITU, NEGARA MASIH BELUM MAMPU NEMPUNYAI SIKAP DAN ETIKA MEWAH YANG DISEBARKAN OLEH SETENGAH-SETENGAH PROPAGANDIS DARI NEGARA-NEGARA SOSIALIS.

PERDANA MENTERI BERKATA BAHAWA SUNGGUHPUN MALAYSIA TIDAK DAPAT MENGADAKAN RANCANGAN KERBAJIKAN DARI +BUAIAN HINGGA KE LIANG KUBUR+ KEPADA PEKERJA-PEKERJANYA, TIDAK PULA BERMAKNA KEBAJIKAN MEREKA TIDAK DAPAT DIJAGA.

+HARGAILAH USAHA MEREKA DENGAN MEMBERI UPAH YANG SETIMPAL+ KATANYA.

BELIAU MENGINGATKAN PARA MAJIKAN SUPAYA NENDAPATKAN PENGGUNAAN OPTIMUM POTENSI SUMBER MANUSIA V DI SAMPING BERTANGGUNGJAWAB MEWUJUDKAN SUASANA BEKERJA YANG SOLEH MELAHIRKAN HARMONI PERINDUSTRIAN YANG BERKESAN.--LAGI
2211MST 19 11 64

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU BERKATA BAHAWA MEREKA BOLEH MENGAMBIL INISIATIF-INISIATIF PERLU PENGAN MENGADAKAN SUASANA KERJA YANG SELAMAT DAN SELESA, LATIHAN DAN KEMAJUAN, MENGURANGKAN BAHAYA, MENGGALAKKAN PERHUBUNGAN YANG EFEKTIF DAN MENGADAKAN SATU SISTEM UPAH YANG DAPAT MENGGALAKKAN PENCAPAIAN PENGELUARAN YANG LEBIH TINGGI DAN BAIK.

PERDANA MENTERI DUKACITA KERANA WALAUPUN BANYAK TELAH DIPERKATAKAN MENGENAI ETIKA KERJA DI BAWAH DASAR+PANDANG KETIMUR+, FALSAFAH PENGURUSAN TIMUR BELUM Mendapat PERHATIAN YANG SEWAJARNYA.

KATANYA, ADALAH PENTING BAGI PARA MAJIKAN MEMAHAMI APA YANG KERAJAAN MAHUKAN MEREKA LIHAT DI BAWAH DASAR ITU.

BELIAU BERKATA ADALAH JUGA PENTING MEREKA MEMAHAMI BAHAWA ETIKA KERJA HENDAKLAH BERJALAN SELAR DENGAN FALSAFAH PENGURUSAN BAGI Mendapatkan HASIL TERBAIK, DAN MENEKANKAN BAHAWA KEPENTINGAN TERBAIK UNTUK PARA PEKERJA ADALAH SAMA DENGAN KEPENTINGAN TERBAIK PARA MAJIKAN.

MERUJUK KEPADA SEKTOR SWASTA, PERDANA MENTERI BERKATA PARA MAJIKAN DAN PEKERJA HENDAKLAH SETIAP MASA BEKERJA SEBAGAI SATU PASUKAN BAGI MEMBOLEHKAN MENGHADAPI SAINGAN HEBAT DARIPADA NEGARA-NEGARA LAIN.-- LAGI

2221MST 19 11 84

U E 394 AAL
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH MEMAINKAN PERANAN PELINDUNG KEPADA PERUSAHAAN PERNIAGAAN DI NEGARA INI SEJAK BEBERAPA LAMA DAN, DALAM KETIKA-KETIKA TERTENTU, IA BUKAN SAHAJA TERPAKSA MELINDUNGI TETAPI JUGA MELIBATKAN DIRI BAGI MEMASTIKAN PERNIAGAAN ATAU PUN PERUSAHAAN TERTENTU DAPAT HIDUP.

+KERAJAAN TIDAK MAMPU MELINDUNGI PERUSAHAAN-PERUSAHAAN KITA BAGI TEMPOH YANG LAMA. MASANYA TELAH TIBA BAGI AHLI-AHLI PERNIAGAAN DAN USAHAWAN MENGHADAPI KENYATAAN,+ TAMBAHNYA.

KATANYA, BUKANLAH TANGGUNGJAWAB KERAJAAN SAHAJA UNTUK MENJAMIN DAN MEMPERCEPATKAN PERTUMBUHAN EKONOMI.

BAGAIMANA BAIK SEKALIPUN INISIATIF, IA TIDAK AKAN MENCAPAI TUJUAN YANG DIKEHENDAKI KECUALI TERDAPAT SAMBUTAN POSITIF DARIPADA PERUSAHAAN, TAMBAHNYA.

+ PERNIAGAAN MESTILAH MELIHAT DIRINYA SECARA TELIT DAN KRITIKAL UNTUK MENGETAHUI KELEMAHAN-KELEMAHAN YANG MEREKA SENDIRI BERUPAYA MENGATASINYA SEKIRANYA KITA DAPAT MENYERTAI SECARA EFEKTIF DALAM PASARAN DUNIA,+ KATA BELIAU.--BERNAMA.